MAJLIS BANDARAYA IPOH

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH IKLAN/JUAL /HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK	TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN
1.	**NO. SEBUTHARGA** S0169/26 **NO. RUJUKAN** F4/5/69/26 **TAJUK** CADANGAN MEMBAIKPULIH GELANGGANG FUTSAL TAMAN SHATIN	(BUMIPUTERA) **GRED** G1 KATEGORI: B PENGKHUSUSAN: B24 DAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI LHDN (TCC)	**TARIKH IKLAN** 2 OKTOBER 2026 (JUMAAT) **TARIKH JUAL** 2 OKTOBER 2026 (JUMAAT) **TARIKH AKHIR PEMBELIAN** 8 OKTOBER 2026 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH MALAM **HARGA DOKUMEN** RM80.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN) LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH https://myperolehan.mbi.gov.my.	-TIDAK BERKAITAN-	**TARIKH TUTUP** 9 OKTOBER 2026 (JUMAAT) **MASA** 12:00 TENGAH HARI **LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUTHARGA** PETI TENDER/ SEBUT HARGA TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN, MAJLIS BANDARAYA IPOH

JIKA TERDAPAT LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK :-

- HANYA **PENAMA DI DALAM LESEN** SAHAJA YANG LAYAK MENGHADIRI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK;
- SEMUA PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBAWA **COP SYARIKAT** DAN **SIJIL-SIJIL BERKAITAN SEMASA SESI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK**
- **HANYA PENYEBUT HARGA YANG HADIR LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK SAHAJA BOLEH MENYERTAI DAN MEMBELI SEBUTHARGA INI.**

2. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen sebutharga dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang https://myperolehan.mbi.gov.my. Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan **dibukukan/ didokumentasikan.** Bayaran pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. **Proses pembelian dokumen sebut harga dan memuat turun dokumen akan ditutup pada 8 OKTOBER 2026 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH MALAM. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN, SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN.**

3. Naskah Meja Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun melalui laman sesawang https://myperolehan.mbi.gov.my.

4. Dokumen Sebutharga hanya dijual kepada syarikat **dengan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB serta masih sah lakunya, 60 hari dari tarikh mula jual.**

5. Surat Kelulusan Kebenaran Khas CIDB bagi pengkhususan yang tidak didaftarkan adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

6. Penyebut harga mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (cukai taksiran / kompaun / sewaan / semak-samun / pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya Penyebut harga mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang https://d.mbi.gov.my . **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**

7. Semua dokumen sebutharga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor sebutharga berkenaan di penjuru kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Tingkat 1, Unit Perolehan, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Ipoh.**

8. Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebutharga yang tidak terdapat di dalam Peti Sebutharga/Sebut Harga setelah Peti Sebutharga/Sebut Harga dibuka.

9. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad.** Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan.**

SURIANI BINTI ISMAIL
KETUA UNIT UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MOHD SHAHRIN BIN NORDIN
PENOLONG KETUA UNIT UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH